

05 DEC 2001

Umno-PBS

KEMASUKAN SEMULA PBS KE DALAM BN MUDAHKAN TUGAS UMNO, KATA MUSA

KOTA KINABALU, 5 Dis (Bernama) -- Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman memberi jaminan kepada rakyat bahawa parti itu tidak akan berehat dan bersikap mengambil mudah walaupun kini ia tidak lagi perlu berhadapan dengan PBS, sebagai sebuah parti pembangkang.

Sebaliknya, kata beliau, tanpa gangguan itu, rakyat akan melihat parti berkenaan akan bekerja lebih keras dan secara lebih berkesan berbanding sebelum ini.

"Saya harap anggota-anggota Umno sedar tentang perkara ini. Kita tidak lagi mempunyai alasan untuk tidak memenuhi janji kepada rakyat," katanya pada majlis berbuka puasa bersama masyarakat tempatan di Beaufort, kira-kira 100km dari sini.

Teks ucapan beliau dihantar melalui faksimili kepada pejabat Bernama di sini hari ini.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah berkata Umno menyambut baik keputusan PBS untuk kembali semula ke pangkuan Barisan Nasional (BN) kerana ia akan mengurangkan politiking di Sabah yang begitu sengit sejak sekian lama.

PBS, yang meninggalkan BN menjelang pilihan raya umum 1999, telah mengemukakan permohonan rasmi untuk kembali ke pangkuan BN, bulan lalu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menerima permohonan yang disampaikan Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan di Putrajaya baru-baru ini dilaporkan berkata keputusan mengenainya dijangka diketahui sebelum Aidilfitri ini.

Sementara itu, Musa menasihati anggota-anggota parti agar tidak membiarkan diri mereka menjadi mangsa kepada khabar angin serta percubaan untuk memecahbelahkan Umno.

"Sebarang masalah atau kekeliruan yang mungkin timbul, anda hendaklah berjumpa dengan anggota dewan undangan negeri, anggota parlimen atau ketua bahagian masing-masing untuk mendapatkan maklumat secara langsung. Jangan percaya kepada khabar angin," kata beliau.

-- BERNAMA

JS SP RON